



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 04/2024



ELAKKAN PEMBAZIRAN 19 APRIL 2024 / 10 SYAWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan takwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Kita sudah 10 hari berada di bulan syawal. Majlis sambutan hari raya masih lagi diteruskan sepanjang bulan syawal ini dengan aktiviti rumah terbuka yang dianjurkan sama ada oleh orang perseorangan, taman perumahan atau agensi-agensi



kerajaan dan swasta. Konsep hari raya selalunya dikaitkan dengan pembaziran. Membelanjakan wang ringgit untuk membeli secara berlebihan atau membeli sesuatu yang boleh membawa kemudharatan seperti mercun dan bunga api amat salah di sisi agama. Mungkin pembaziran ini berlaku kerana masyarakat kita hidup dalam kemewahan. Perlu diingat Islam tidak pernah mengajar umatnya berlebih-lebihan atau melampaui batas dalam menyambut apa saja perayaan.

Kedatangan Syawal sepatutnya menginsafkan kita di sebalik makna kemenangan dan kejayaan dalam sambutan Aidilfitri. Kebiasaanya, pembaziran semasa sambutan Aidilfitri berlaku disebabkan oleh tiadanya perancangan yang rapi dan kurangnya kesedaran dalam memahami konsep sebenar meraikan sambutan perayaan ini. Pembaziran yang ketara dapat dilihat adalah semasa penganjuran majlis rumah terbuka yang diadakan oleh pelbagai pihak sepanjang bulan Syawal.

Majlis rumah terbuka yang dianjurkan seolah-olah menjadi pesta makanan kepada tetamu yang hadir sehingga mereka rambang mata dan mengikut hawa nafsu dengan mengambil makanan dalam kuantiti yang terlalu banyak, menyebabkan makanan tidak dapat dihabiskan dan menjadi punca makanan dibuang begitu sahaja. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Isra' ayat 27,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ۗ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Yang bermaksud: "Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya."

Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam Ahmad:

كُلُوا، وَاشْرَبُوا، وَتَصَدَّقُوا، وَالْبَسُوا، فِي غَيْرِ مَخِيلَةٍ، وَلَا سَرْفٍ



Yang bermaksud: *"Makanlah, minumlah, berpakaianlah kalian dengan tidak merasa bangga dan sombong serta tidak berlebih-lebihan!"*

Berdasarkan ayat al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam ini, Islam sama sekali tidak melarang umatnya berbelanja, tetapi Islam mengajar umatnya tatacara berbelanja dengan betul, iaitu berbelanja secara sederhana dan tidak boros. Ketika berbelanja menyambut Aidilfitri, kita juga seharusnya mengenangkan nasib saudara seagama khususnya umat Islam di Palestin, yang menyambut Aidilfitri dalam serba kedaifan, kesengsaraan dan kekurangan. Mereka juga inginkan kegembiraan seperti orang lain.

Oleh itu, alangkah baiknya jika kita meninggalkan amalan pembaziran dengan menggalakkan amalan kebajikan seperti bersedekah. Sedikit bantuan atau sumbangan yang kita hulurkan kepada golongan yang kurang berkemampuan disediakan ganjaran pahala di sisi Allah Subhanahu wa Taala. Mereka juga akan menghargai pemberian itu dan merasakan kita sentiasa mengingati mereka. Amalan sebegini secara tidak langsung akan menggambarkan tujuan sebenar perayaan Aidilfitri, seterusnya melahirkan sebuah masyarakat penyayang.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Marilah kita menjauhkan diri daripada perbuatan membazir semasa sambutan perayaan Aidilfitri sepanjang bulan Syawal ini. Elakkan diri daripada mensia-siakan nilai harta dan limpahan nikmat rezeki yang Allah Subhanahu wa Taala kurniakan kepada kita dengan tabiat membazir ini, agar kita tidak disifatkan sebagai saudara syaitan. Sebaliknya, sambutlah kemeriahan Aidilfitri dengan penuh berhemah tanpa dicemari oleh perbuatan yang tidak sepatutnya, yakni dengan menonjolkan sikap



istiqamah dalam menzahirkan rasa kesyukuran hasil tarbiah sepanjang bulan Ramadan. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Furqan ayat 67:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

Yang bermaksud: "Mereka (yang diredai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tidak (terlalu) berlebih-lebihan dan tidak (pula terlalu) bakhil (kedekut); dan adalah (perbelanjaan yang baik itu) di antara kedua-duanya (boros dan bakhil)."

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.